

06 DEC 2002

Nik Aziz-Kemalangan

PEMANDU PENTINGKAN DIRI PUNCA KEMALANGAN, KATA NIK AZIZ

KOTA BAHARU, 6 Dis (Bernama) -- Selagi ada orang yang hanya mementingkan diri sendiri dan tidak ada timbang rasa maka selama itu kemalangan jalan raya sukar dielakan, kata Mursyidul Am Pas Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat.

"Sudah tahu jalan sempit dia (pemandu) rempuh juga...kamu (pemandu) kena bertanggungjawab di akhirat kelak atas orang yang mati disebabkan perbuatan kamu itu," katanya kepada pemberita ketika ditemui di majlis rumah terbuka sempena sambutan Aidilfitri di kediamannya di Pulau Melaka dekat sini, hari ini.

Beliau mengulas jumlah kematian yang semakin meningkat semasa musim perayaan ini termasuk kematian lapan sekeluarga yang dalam perjalanan balik kampung untuk berhari raya selepas van yang mereka naiki bertembung dengan sebuah treler di km 65, Jalan Klang-Teluk Intan di Kuala Selangor semalam.

Nik Aziz yang juga Menteri Besar Kelantan berkata kerajaan telah melaksanakan pelbagai kempen keselamatan jalan raya tetapi kemalangan terus berlaku kerana mereka yang menggunakan jalan raya tidak menghargai nyawa.

Sehubungan itu, beliau menasihati pengguna jalan raya agar lebih berhati-hati dan bertimbang rasa kerana ia boleh mengelakan kemalangan.

Sementara itu, Nik Aziz berkata Islam memberi peluang kepada manusia termasuk masyarakat bukan Islam untuk hidup aman damai dan budaya bantu membantu membuktikan Islam bukan agama yang ganas.

Beliau berkata Amerika Syarikat yang menganggap dirinya sebuah kuasa besar perlu diseimbangkan dengan kuasa besar lain yang dibentuk oleh pakatan negara-negara yang sering dianggap sebagai pengganas.

Selagi tidak ada kuasa besar lain, selagi itulah Amerika akan terus membuli negara-negara yang tidak sehaluan dengannya.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semangat Hari Raya yang ditunjukkan oleh umat Islam di negara ini membuktikan mereka boleh berlaku adil terhadap semua masyarakat dan Islam bukan agama yang ganas sebagaimana digembar-gemburkan oleh sesetengah pihak.

-- BERNAMA

BD PR